Item	Unit	Unit Price	Total
PAUSE <sup>®</sup> Flip Chart printing	8 UNITS	RM 120	RM 960.00
Briefing and training sessions(CME) for HCW at study sites (for conventional method )	8 sessions for 8 study sites	RM200/session	RM 1600.00
Enumerator		RM 10/Client	RM 1800.00
Publication charges in Q1/Q2Journal	GBP 2000/article		RM 11000.00



version : 3.0, 10<sup>th</sup> September 2023

Transportation	Transportation to 5 primary health care clinics and Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru for datacollection	Rm0.4/km x 500	RM 200
<b>TOTAL</b>			<b>RM 15,560.00</b>

### 3.0 REFERENCES

1. The Development of Human Immunodeficiency Virus Screening Counselling Aid for Premarital Clients (PAUSE<sup>®</sup>) in Primary Care Setting ,NURIN BINTI ZAINAL
  2. Barmania, S., & Aljunid, S. M. (2017). Premarital HIV testing in Malaysia: a qualitative exploratory study on the views of major stakeholders involved in HIV prevention. *BMC International Health and Human Rights*, 17(1).<https://doi.org/10.1186/s12914-017-01208>
  3. Barmania, S. 2013. Malaysia makes progress against HIV, but challenges remain. *The Lancet* 381(9883): 2070–2071.
  4. Kamarulzaman, A. 2013. Fighting the HIV epidemic in the Islamic world. *The Lancet* 381(9883):2058–2060.
  5. Khalib, A.M. 2008. Forced HIV testing policy untenable.
  6. Khebir, B.V., Adam, M.A., Daud, A.R. & Shahrom, C.M.D. 2007. Premarital HIV screening in Johor - (2002-2004). *Medical Journal of Malaysia* 62(1): 19–22.
  7. Mancuso, J.M. 2008. Health literacy: A concept/dimensional analysis. *Nursing and Health Sciences* 10(3): 248–255.
  8. Manirankunda, L., Loos, J., Debackaere, P. & Nöstlinger, C. 2012. “It is not easy”: Challenges for provider-initiated HIV testing and counseling in Flanders, Belgium. *AIDS Education and Prevention* 24(5): 456–468.
  9. National Health and Morbidity Survey 2019. 2020. National Health Morbidity Survey 2019 Technical Report: Healthcare Demand. National Institutes of Health,. Vol. 2.
  10. Nyamathi, A., Vatsa, M., Khakha, D.C., McNeese-Smith, D., Leake, B. & Fahey, J.L. 2008. HIV Knowledge Improvement Among Nurses in India: Using a Train-the-Trainer Program. *Journal of the Association of Nurses in AIDS Care* 19(6): 443–449.
  11. World Health Organization. 2012. World Health Organization. (2012). Guidance on couples HIV testing and counselling including antiretroviral therapy for treatment and prevention in serodiscordant couples: recommendations for a public health approach. World Health Organization.
  12. World Health Organization. 2016. HIV Prevention, Diagnosis, Treatment and Care for Key Populations (2016 Update). World Health Organization 155.
- World Health Organization. 2019. Consolidated Guidelines on Hiv Testing Services 2019.

- Chippindale, S. & French, L. 2011. ABC of AIDS HIV counselling and the psychosocial management of patients with HIV or AIDS What is HIV counselling? When is HIV counselling necessary? Psychological responses to an HIV positive result. *Bmj* 322: 1533–1535.
13. Shoemaker, J. S., Wolf, M. S. & Brach, C. 2017. The Patient Education Materials Assessment Tool (PEMAT) and User's Guide 1–5.
  14. Shoemaker, S.J., Wolf, M.S. & Brach, C. 2014. Development of the Patient Education Materials Assessment Tool (PEMAT): A new measure of understandability and actionability for print and audiovisual patient information. *Patient Education and Counseling* 96(3): 395–403.
  15. Development of the Patient Education Materials Assessment Tool (PEMAT) <https://www.ahrq.gov/health-literacy/patient-education/pemat1.html>
  16. Leake B, Nyamathi A, Gelberg L. Reliability, validity and composition of a subset of the CDC AIDS knowledge questionnaire in a sample of homeless and impoverished adults. *Med Care* 1997;35:747–55.
  17. S.P. Hozo, B. Djulbegovic, and I. Hozo, "Estimating the Mean and Variance from the Median, Range, and the Size of a Sample," *BMC Medical Research Methodology* 2005, 5:13 Estimation of a Sample's Mean and Variance from Its Median and Range [http://vassarstats.net/median\\_range.html](http://vassarstats.net/median_range.html)[Accessed 31/03/23]

## 4.0 APPENDIX

### A. Socio-demographic information

#### BORANG SOAL SELIDIK

#### DATA DEMOGRAFI

Sila isikan jawapan anda dalam ruangan yang disediakan atau tandakan (✓) pada kotak yang bersesuaian. Tandakan satu jawapan sahaja bagi setiap soalan.

#### I. Data Demografi Peribadi

1. Umur (dalam tahun): .....
2. Jantina  
Lelaki       Wanita
3. Bangsa  
Melayu       Cina       India       Lain-lain  Nyatakan:.....
4. Tahap Pendidikan tertinggi  
Tiada pendidikan formal       Sekolah rendah   
Sekolah menengah       Kolej/Universiti
5. Pernahkah anda menjalani ujian saringan HIV/menghadiri sesi kaunseling sebelum ini?  
Ya       Tidak

\*\*Untuk diisi oleh Petugas Kesehatan yang menjalankan kaunseling.  
Tempoh kaunseling : ..... (minit/jam)  
Jawatan : .....

## B. Questionnaire to Cognitive AIDS Knowledge and AIDS Transmission Knowledge

### **PENGETAHUAN HIV**

<b>Pengetahuan kognitif tentang jangkitan HIV</b>				
No	Soalan	Betul	Salah	Tidak tahu
1	Jangkitan HIV boleh mengurangkan perlindungan semula jadi tubuh.			
2	Jangkitan HIV boleh merosakkan otak.			
3	Jangkitan HIV ialah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus.			
4	Remaja tidak akan dijangkiti HIV.			
5	Seseorang boleh dijangkiti HIV tetapi tidak mempunyai tanda- tanda penyakit.			
6	Kita boleh mengenalpasti penghidap HIV melalui rupa luaran sahaja.			
7	Penghidap HIV boleh kelihatan sihat dan tidak sakit.			
8	Wanita hamil boleh menyebarkan virus tersebut kepada bayinya.			
9	Terdapat vaksin yang boleh melindungi kita daripada jangkitan HIV.			
10	Setakat ini, tiada penawar untuk menyembuhkan jangkitan HIV.			
<b>Pengetahuan Penularan Jangkitan HIV</b>				
<b>Seseorang boleh dijangkiti HIV melalui:</b>				
11	Tinggal berhampiran rumah atau hospital yang didiami pesakit HIV.			
12	Bekerja bersama-sama dengan penghidap HIV.			
13	Makan makanan yang dimasak oleh penghidap HIV.			
14	Bersalaman, menyentuh atau mencium pipi seseorang.			
15	Berkongsi pinggan, garpu, atau gelas dengan penghidap HIV.			

16	Menggunakan tandas awam .			
17	Berkongsi jarum bagi penggunaan dadah dengan penghidap HIV.			
18	Berhampiran dengan penghidap HIV yang batuk atau bersin.			
19	Bersekolah bersama-sama kanak-kanak yang menghidap HIV.			
20	Nyamuk atau serangga lain.			
21	Melakukan hubungan seks dengan penghidap HIV.			

### C. Patient Education Materials Assessment Tool for Printable Materials (PEMAT-P)

Tajuk Bahan: **PAUSE<sup>®</sup> flipchart**

Nama Penilai:

Tarikh Penilaian:

*Sila baca Panduan Pengguna PEMAT(M) dengan teliti dan bulatkan jawapan anda*

Item#	KEBOLEHFAHAMN Item			
	Topik: <b>Isi Kandungan</b>			
1	Bahan tersebut memaparkan tujuannya dengan sangat jelas.	Setuju	Tidak setuju	
2	Bahan tersebut tidak mengandungi maklumat atau isi kandungan yang tersasar daripada tujuannya.	Setuju	Tidak setuju	
	Topik: <b>Pemilihan Perkataan &amp; Gaya Bahasa</b>			
3	Bahan tersebut menggunakan bahasa seharian yang biasa digunakan.	Setuju	Tidak setuju	
4	Istilah perubatan tidak digunakan atau hanya digunakan untuk membiasakan pembaca dengan istilah tersebut. Apabila digunakan, istilah perubatan tersebut diberikan maksudnya.	Setuju	Tidak setuju	
5	Bahan tersebut menggunakan ayat aktif.	Setuju	Tidak setuju	
	Topik: <b>Penggunaan Nombor</b>	Setuju	Tidak setuju	
6	Nombor yang digunakan dalam bahan tersebut adalah jelas dan mudah difahami.	Setuju	Tidak setuju	Tidak berkenaan
7	Bahan tersebut tidak memerlukan pengguna untuk melakukan pengiraan.	Setuju	Tidak setuju	
	Topik: <b>Susunan</b>			
8	Bahan tersebut membahagikan maklumat kepada bahagian-bahagian kecil.	Setuju	Tidak setuju	Tidak berkenaan
9	Bahagian-bahagian bahan tersebut mempunyai tajuk yang bermaklumat.	Setuju	Tidak setuju	Tidak berkenaan
10	Bahan tersebut memaparkan maklumat dalam urutan yang sesuai.	Setuju	Tidak setuju	Tidak berkenaan

11	Bahan tersebut menyediakan rumusan.	Setuju	Tidak setuju	Tidak berkenaan
	Topik: <b>Susun Atur &amp; Reka Bentuk</b>			
12	Bahan tersebut menggunakan penanda visual (contoh: anak panah, kotak, <i>bullet</i> , huruf tebal, huruf bersaiz lebih besar, <i>highlight</i> ) untuk menarik perhatian terhadap isi utama.	Setuju	Tidak setuju	Tidak berkenaan

*\*Bahan bercetak yang sangat pendek bermaksud bahan dengan dua perenggan atau kurang dan tidak melebihi satu muka surat.*

	<b>Topik: Penggunaan Elemen Bantu Pandang (gambar/imej atau rajah)</b>			
15	Bahan tersebut menggunakan elemen bantu pandang apabila elemen tersebut boleh menjadikan isi kandungan lebih mudah difahami (contoh: ilustrasi saiz hidangan sihat).	Setuju	Tidak setuju	
16	Elemen bantu pandang dalam bahan tersebut mengukuhkan dan bukan menyasarkan tumpuan terhadap isi kandungan.	Setuju	Tidak setuju	Tidak berkenaan
17	Elemen bantu pandang dalam bahan tersebut mempunyai tajuk atau kapsyen yang jelas.	Setuju	Tidak setuju	Tidak berkenaan
18	Bahan tersebut menggunakan ilustrasi dan gambar yang jelas dan tidak berserabut.	Setuju	Tidak setuju	Tidak berkenaan
19	Bahan tersebut menggunakan jadual yang ringkas dengan tajuk yang pendek dan jelas untuk baris dan lajur.	Setuju	Tidak setuju	Tidak berkenaan



## D. Human Immunodeficiency Virus Screening Counselling Aid for Premarital Clients

### PAUSE<sup>®</sup> flipchart

Client view

Health care personnel view

**Premarital coUnselling PAUSE<sup>®</sup>**  
Ujian Sarifngan HIV Pra-Perkahwinan

**HALAMAN KAUNSELOR**  
**Premarital coUnselling PAUSE<sup>®</sup>**  
Ujian Sarifngan HIV Pra-Perkahwinan

**Apa itu HIV (Human Immunodeficiency Virus)?**  
Sebuah jangkitan virus terhadap sistem daya tahan badan

- 40% bergejala ringan, seperti demam, batuk dan selsema
- 60% tiada gejala
- Ada rawatan untuk mengawal pembiakan virus

**HALAMAN KAUNSELOR**  
**Apa itu HIV (Human Immunodeficiency Virus)?**  
Sebuah jangkitan virus terhadap sistem daya tahan badan. Jangkitan ini akan melemahkan sistem pertahanan badan

- 40% bergejala ringan, seperti demam, batuk dan selsema
- 60% tiada gejala
- Ada rawatan untuk mengawal pembiakan virus. Rawatan tidak menyembuhkan. Vaksin masih dalam kajian

**Apakah AIDS?**  
Acquired Immune Deficiency Syndrome

**Fasa terakhir jangkitan HIV**

- Jangkitan paru-paru
- Susut berat badan mendadak
- Kanser kulit
- Jangkitan kulat di mulut
- Jangkitan otak

**Peringkat awal HIV TIADA GEJALA AIDS**

**POSITIF HIV TIDAK BERMAKNA ANDA MENGHIDAP AIDS**

**HALAMAN KAUNSELOR**  
**Apakah AIDS?**  
Acquired Immune Deficiency Syndrome (Sindrom kurang daya tahan penyakit)

Kumpulan beberapa penyakit yang dihidapi individu positif HIV jika tidak mendapatkan rawatan awal

- Jangkitan kulat, bakteria dan TB
- Jangkitan paru-paru
- Susut berat badan mendadak
- Kanser kulit
- Jangkitan kulat di mulut
- Jangkitan otak

**Peringkat awal HIV TIADA GEJALA AIDS**

**POSITIF HIV TIDAK BERMAKNA ANDA MENGHIDAP AIDS**

**Bagaimana HIV berjangkit?**  
Melalui bendalir badan

**Golongan berisiko**

- Hubungan seks tanpa perlindungan (lelaki dan perempuan/sesama jantina)
- Perkongsian jarum dikalangan penagih dadah
- Ibu mengandung (menghidap HIV) kepada anak kandungannya
- Penerima darah/organ tercemar virus HIV

**HALAMAN KAUNSELOR**  
**Bagaimana HIV berjangkit?**  
Melalui bendalir badan

**Golongan berisiko**

- Hubungan seks tanpa perlindungan (lelaki dan perempuan/sesama jantina)
- Perkongsian jarum dikalangan penagih dadah
- Ibu mengandung (menghidap HIV) kepada anak kandungannya
- Penerima darah/organ tercemar virus HIV

Tusukan jarum tercemar virus HIV (semasa pengambilan darah atau membuat tatoo)

<h3>HIV tidak berjangkit melalui</h3> <ul style="list-style-type: none"> <li>Gigitan nyamuk</li> <li>Batuk atau bersin</li> <li>Berkongsi tandas</li> <li>Ciuman</li> </ul>	<p>HALAMAN KAUNSELOR</p> <h3>HIV tidak berjangkit melalui</h3> <ul style="list-style-type: none"> <li>Gigitan nyamuk</li> <li>Batuk atau bersin</li> <li>Berkongsi tandas</li> <li>Ciuman</li> </ul>
<h3>HIV tidak berjangkit melalui</h3> <ul style="list-style-type: none"> <li>Dobi</li> <li>Berkongsi pakaian dan cadar</li> <li>Berkongsi makanan, sudu, garfu, pinggan atau perkakas dapur</li> <li>Sentuhan, berpelukan</li> </ul>	<p>HALAMAN KAUNSELOR</p> <h3>HIV tidak berjangkit melalui</h3> <ul style="list-style-type: none"> <li>Dobi</li> <li>Berkongsi pakaian dan cadar</li> <li>Berkongsi makanan, sudu, garfu, pinggan atau perkakas dapur</li> <li>Sentuhan, berpelukan</li> </ul>
<h3>Mengapa saya perlu menjalani ujian HIV pra-perkahwinan?</h3> <ul style="list-style-type: none"> <li>Melahirkan anak yang sihat dan bebas HIV</li> <li>Membina keluarga yang sihat</li> <li>Membina rumah tangga yang bahagia</li> <li>HIV boleh dikawal dengan ubat jika dikesan awal</li> </ul>	<p>HALAMAN KAUNSELOR</p> <h3>Mengapa saya perlu menjalani ujian HIV pra-perkahwinan?</h3> <ul style="list-style-type: none"> <li>Melahirkan anak yang sihat dan bebas HIV</li> <li>Membina keluarga yang sihat</li> <li>Membina rumah tangga yang bahagia</li> <li>HIV boleh dikawal dengan ubat jika dikesan awal</li> </ul>
<h3>Bagaimana ujian saringan dilakukan?</h3> <ol style="list-style-type: none"> <li>1 Kaunseling pra ujian oleh petugas kesihatan</li> <li>2 Ujian darah 'rapid test' HIV</li> <li>3 Keputusan diperoleh selepas 15 minit</li> <li>4 Keputusan ujian adalah <b>SULIT</b></li> <li>4 Kaunseling pasca ujian oleh petugas kesihatan</li> </ol>	<p>HALAMAN KAUNSELOR</p> <h3>Bagaimana ujian saringan dilakukan?</h3> <ol style="list-style-type: none"> <li>1 Kaunseling pra ujian oleh petugas kesihatan</li> <li>2 Ujian darah 'rapid test' HIV</li> <li>3 Keputusan diperoleh selepas 15 minit</li> <li>4 Keputusan ujian adalah <b>SULIT</b></li> <li>4 Kaunseling pasca ujian oleh petugas kesihatan</li> </ol> <p>Langkah 4 Dirujuk untuk kaunseling kepada pegawai perubatan jika keputusan ujian saringan positif</p>

<p><b>Jika keputusan ujian saringan</b> <b>NEGATIF</b></p> <p>Golongan berisiko tinggi?</p> <p><b>YA</b> Ujian semula dalam 3-6 bulan (Window Period) Diberi temu janji akan datang</p> <p><b>TIDAK</b> Amalan hidup sihat Tiada temu janji</p>	<p><b>Jika keputusan ujian saringan</b> <b>NEGATIF (TIDAK REAKTIF)</b></p> <p>Golongan berisiko tinggi?</p> <p><b>YA</b> Ujian semula dalam 3-6 bulan (Window Period) Diberi temu janji akan datang</p> <p><b>TIDAK</b> Amalan hidup sihat Tiada temu janji</p> <p><small>Golongan berisiko tinggi: 1. Satu pasangan janjini/bebas perempun bertukar-tukar pasangan 2. Penggunaan jarum disatuhkan ponahgah dadah 3. Individu berkenaan tusukan jarum terometer HIV 4. Penerima darah terometer virus HIV 5. Bayi baru lahir yang ibunya positif HIV</small></p>
<p><b>HALAMAN KAUNSELOR</b></p> <p><b>APA ITU 'WINDOW PERIOD'?</b></p> <p>Tempoh waktu <b>6 - 12 minggu*</b> selepas dijangkiti virus HIV, dimana badan dalam proses menghasilkan antibodi terhadap virus HIV</p> <p>Walaupun sudah dijangkiti HIV, keputusan ujian saringan berkemungkinan NEGATIF dalam tempoh ini kerana antibodi belum terhasil <i>* bergantung kepada generasi kit ujian</i></p> <p><b>Jangkitan HIV</b>    <b>Window period (ujian negative)</b>    <b>Antibodi HIV terhasil (ujian positif)</b></p>	<p><b>HALAMAN KAUNSELOR</b></p> <p><b>APA ITU 'WINDOW PERIOD'?</b></p> <p>Tempoh waktu <b>6 - 12 minggu*</b> selepas dijangkiti virus HIV, dimana badan dalam proses menghasilkan antibodi terhadap virus HIV</p> <p>Walaupun sudah dijangkiti HIV, keputusan ujian saringan berkemungkinan NEGATIF dalam tempoh ini kerana antibodi belum terhasil <i>* bergantung kepada generasi kit ujian</i></p> <p><b>Jangkitan HIV</b>    <b>Window period (ujian negative)</b>    <b>Antibodi HIV terhasil (ujian positif)</b></p>
<p><b>Jika keputusan ujian saringan</b> <b>POSITIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaunseling selepas ujian saringan diberikan</li> <li>• Ujian pengesahan HIV dihantar ke hospital</li> <li>• Pesakit diberi temu janji 2-3 minggu untuk mengambil keputusan ujian pengesahan HIV</li> </ul> 	<p><b>Jika keputusan ujian saringan</b> <b>POSITIF (REAKTIF)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaunseling selepas ujian saringan diberikan</li> <li>• Ujian pengesahan HIV dihantar ke hospital (ujian darah)</li> <li>• Pesakit diberi temu janji 2-3 minggu untuk mengambil keputusan ujian pengesahan HIV</li> </ul> 
<p><b>Jika keputusan ujian PENGESAHAN</b></p> <p><b>Positif</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaunseling dan rawatan dimulakan</li> <li>• Notifikasi kepada PKD di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1998</li> <li>• Memaklumkan keputusan ujian kepada pasangan</li> </ul> <p><b>Negatif</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Temu janji untuk ujian semula 3-6 bulan</li> <li>• Saranan kekalkan gaya hidup sihat</li> </ul>	<p><b>Jika keputusan ujian PENGESAHAN</b></p> <p><b>Positif (Reaktif)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaunseling dan rawatan dimulakan</li> <li>• Notifikasi kepada PKD di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1998</li> <li>• Memaklumkan keputusan ujian kepada pasangan <b>** (dalam masa 24jam)</b></li> </ul> <p><b>Negatif (Tidak reaktif)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Temu janji untuk ujian semula 3-6 bulan</li> <li>• Saranan kekalkan gaya hidup sihat</li> </ul>



## **RISALAH MAKLUMAT PESAKIT DAN BORANG PERSETUJUAN atau KEIZINAN PESAKIT**

### **1. Tajuk penyelidikan:**

Kefahaman Terhadap Alat Carta balik PAUSE<sup>®</sup> Untuk Kaunseling HIV Pra-Pernikahan di Kalangan Penduduk Johor Bahru

### **2. Nama Institusi :**

Jabatan Perubatan Keluarga UKM

### **3. Nama penyelidik:**

Prof Madya Dr Leelavathi a/p Muthupalaniappen Penyelidik Utama ,  
Jabatan Perubatan Keluarga, Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Prof Madya Dr Aznida Firzah Abdul Aziz Penyelidik ,  
Jabatan Perubatan Keluarga, Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dr Magaletchumi a/p Chelladorai Pegawai Perubatan Sarjana,  
Jabatan Perubatan Keluarga ,Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

### **4. Nama penaja:**

Gabungan-GFFP (Geran Fundamental Fakulti Perubatan )UKM dan sendiri

### **5. Pengenalan:**

Anda telah dijemput untuk menyertai penyelidikan ini kerana anda perlu menjalani ujian saringan HIV sebagai pra syarat untuk mendaftar perkahwinan. Risalah ini menjelaskan hal-hal berkenaan penyelidikan tersebut dengan lebih mendalam dan terperinci. Amat penting anda memahami mengapa penyelidikan ini dilakukan dan apa yang dilakukan dalam penyelidikan ini. Sila ambil masa yang secukupnya untuk membaca dan mempertimbangkan dengan teliti penerangan yang diberi sebelum anda bersetuju untuk menyertai penyelidikan ini. Jika ada sebarang kemusykilan ataupun maklumat lanjut yang anda ingin tahu, anda boleh bertanya dengan mana-mana kakitangan yang terlibat dalam penyelidikan ini. Setelah anda berpuashati bahawa anda memahami penyelidikan ini, dan anda berminat

untuk turut serta, anda dikehendaki untuk menandatangani Borang Persetujuan atau Keizinan Pesakit, pada muka surat akhir risalah ini. Untuk menyertai penyelidikan ini, anda perlu memberi doktor anda maklumat sejarah kesihatan ataupun penyakit anda yang lalu; jika anda tidak berterus terang anda mungkin boleh menimbulkan masalah pada diri anda di kemudian hari.

Penyertaan anda dalam penyelidikan ini adalah secara sukarela. Anda tidak perlu menyertai penyelidikan ini jika anda tidak mahu. Anda juga mempunyai hak untuk tidak menjawab mana-mana soalan yang anda tidak mahu jawab. Anda juga boleh menarik diri daripada penyelidikan ini pada bila-bila masa. Jika anda menarik diri, segala maklumat yang telah diperolehi sebelum anda menarik diri tetap akan digunakan dalam penyelidikan ini. Jika anda tidak mahu menyertai ataupun menarik diri dari penyelidikan ini, tindakan anda tidak akan menjejaskan segala hak dan keistimewaan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang selayaknya anda terima.

Penyelidikan ini telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Etika dan Penyelidikan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

## **6. Apakah tujuan penyelidikan ini dilakukan?**

Tujuan penyelidikan ini dilakukan adalah untuk membandingkan keberkesanan kaunseling pra perkahwinan HIV dengan menggunakan carta balik berbanding dengan kaedah konvensional kaunseling pra perkahwinan dan untuk menilai tahap kefahaman terhadap carta balik PAUSE<sup>®</sup>.

Pada masa ini, kaunseling untuk saringan HIV Pra perkahwinan diberikan oleh pegawai perubatan atau paramedik. Kandungan kaunseling bergantung kepada pengetahuan pemberi kaunseling tentang garis panduan HIV/AIDS. Oleh itu, penyampaian sesi kaunseling ini mungkin berbeza dari segi kandungan, tempoh dan bahasa yang digunakan memandangkan ia tidak diseragamkan.

Carta balik PAUSE<sup>®</sup> direka bentuk secara ringkas dan bergambar supaya senang untuk difahami.

Carta balik ini direka bentuk berdasarkan garis panduan tempatan dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Kajian ini akan menilai keberkesanan dan kefahaman alat ini yang akan membantu untuk meluaskan penggunaannya di seluruh negara sebagai kaedah yang lebih teratur dan seragam untuk menyampaikan kaunseling tentang HIV. Sejumlah 180 klien dari Johor Bahru yang akan menyertai penyelidikan ini. Penyelidikan ini akan berlangsung selama 6 bulan (dari 1/12/2023 hingga 30/6/2024). Tempoh pembabitan anda dianggarkan selama 30 hingga 40 minit.

## **7. Apakah prosedur yang akan saya terima?**

Sekiranya anda bersetuju untuk menyertai penyelidikan ini, anda akan ditentukan secara rawak kepada salah satu kumpulan kaunseling yang dinyatakan di bawah. Peluang untuk anda dimasukkan ke mana-mana kumpulan rawatan adalah sama.

Kumpulan 1:

Kumpulan menerima kaunseling konvensional, kaunseling akan diberi sekali oleh pengamal perubatan Tempoh kaunseling :10 minit

Kumpulan 2:

Kumpulan menerima kaunseling dengan menggunakan carta balik PAUSE<sup>©</sup> kaunseling akan diberi sekali oleh penyelidik Tempoh kaunseling :10 minit

## **8. Apakah yang terjadi kepada saya sekiranya saya bersetuju untuk menyertai penyelidikan ini?**

Anda akan dimasukkan dalam kumpulan kaunseling secara rawak seperti diterangkan di atas. Anda akan diberi kertas soalan yang mengandungi 22 soalan berkaitan HIV. Anda akan diberi 10 minit untuk menjawab soalan-soalan yang diberi. Setelah siap menjawab soalan, anda akan diberi kaunseling HIV seterusnya disaring untuk jangkitan Virus HIV. Selepas itu anda akan diberi set soalan yang sama untuk dijawab sekali lagi. Kertas soalan akan dipulangkan kepada penyelidik setelah tamat masa menjawab. Pada akhir sesi, anda akan dijemput untuk mengisi Alat Penilaian Bahan Pendidikan Pesakit untuk Bahan Bercetak (PEMAT-P) yang menilai kefahaman alat flipchart PAUSE<sup>©</sup>.

Anda tidak perlu datang untuk rawatan susulan untuk tujuan penyelidikan ini.

## **9. Bilakah saya akan menerima produk penyelidikan dan bagaimana cara menyimpannya?**

Anda tidak akan menerima apa-apa produk penyelidikan, tetapi anda akan diberi kaunseling menggunakan produk penyelidikan.

**10. Apakah tanggungjawab saya sewaktu menyertai penyelidikan ini?**

Amat penting anda menjawab kesemua soalan yang ditanyakan oleh kakitangan penyelidikan dengan jujur dan lengkap dan anda dijangka untuk tidak berkongsi butiran soalan ini dengan orang lain.

**11. Apakah jenis rawatan yang akan saya terima selepas menyertai penyelidikan ini ?**

Rawatan yang akan diberikan terpulang kepada hasil ujian saringan HIV anda .Keputusan saringan HIV dan rawatan selanjutnya tidak termasuk dalam penyelidikan .

**12. Apakah risiko dan kesan-kesan sampingan menyertai penyelidikan ini?**

Kajian ini membawa risiko yang minimum. Ilustrasi mungkin tidak selesa dan meningkatkan kebimbangan dalam kalangan sesetengah orang.

**13. Apakah manfaatnya saya menyertai kajian ini?**

Penyelidikan ini mungkin akan mendatangkan manfaat ataupun langsung tiada memberi apa-apa manfaat kepada anda. Segala maklumat yang diperolehi daripada penyelidikan ini akan dapat membantu dalam penambahbaikan kaedah kauseling klien lain yang akan menjalani saringan HIV Pra perkahwinan.

**14. Apakah yang akan terjadi sekiranya saya tercedera semasa menyertai kajian ini?**

Jika anda tercedera kerana penyertaan anda dalam penyelidikan ini, anda haruslah menghubungi doktor penyelidikan anda. Sekiranya kecederaan fizikal/badan atau penyakit terhasil secara langsung akibat daripada produk penyelidikan dalam penyelidikan ini, pihak penaja akan membayar segala kos rawatan berpatutan yang diperlukan. Tetapi pihak penaja tidak akan bertanggungjawab terhadap perbelanjaan perubatan bagi penyakit atau rawatanyang telah wujud sebelum penyertaan anda dalam penyelidikan ini, ataupun mana-mana proses rawatan yang sedang anda ikuti, ataupun sebarang masalah yang timbul sama ada daripada kecuaiannya sendiri atau salah laku yang disengajakan, ataupun kecuaiannya atau salah laku yang disengajakan sama ada oleh pihak doktor penyelidikan anda, pihak tapak/lokasi/pusat penyelidikan, mahupun mana- mana pihak ketiga yang terlibat.

Walaupun, anda tetap tidak kehilangan mana- mana hak anda di sisi undang- undang untuk mendapatkan pampasan sekalipun anda sudah menandatangani borang ini.

**15. Apakah rawatan alternatif lain sekiranya saya tidak menyertai penyelidikan ini?**

Anda akan diberikan kaunseling menggunakan kaedah konvensional dan akan melulusaringsan HIV seperti sedia ada



## **16. Siapakah yang membiayai penyelidikan ini?**

Kajian ini ditaja separa oleh GFFP (Geran Fundamental Fakulti Perubatan )UKM .  
Mana-mana prosedur dan rawatan lain yang tidak diperlukan dalam penyelidikan ini tetapi merupakan sebahagian daripada rawatan harian anda, adalah tanggungan anda sendiri ataupun pihak insurans anda. Anda juga akan diberi tanda penghargaan bernilai 5 ringgit.

## **17. Bolehkah penyelidikan ataupun penyertaan saya ditamatkan lebih awal daripada yang dirancang.**

Doktor penyelidikan atau penaja boleh menamatkan penyelidikan ini ataupun menamatkan penyertaan anda dalam penyelidikan ini pada bila-bila masa , jika ia perlu demi keselamatan anda. Jika penyelidikan ini dihentikan terlebih awal, di atas sebab-sebab tertentu, anda akan dimaklumkan .Anda mungkin akan diminta menghadiri satu lawatan susulan terakhir untuk penyelidikan ini.

Keadaan di mana penyertaan subjek boleh ditamatkan:

- Peserta menjadi tidak berupaya untuk memberi persetujuan
- Pelanggaran protokol yang ketara berlaku.
- Kejadian buruk atau kebimbangan keselamatan lain menyebabkan penyertaan berterusan menjadi tidak selamat.
- Kajian ditamatkan lebih awal

Kriteria bagi subjek menarik diri:

- Tidak dapat mematuhi arahan peraturan kajian
- masalah dalam memahami kandungan carta balik PAUSE<sup>®</sup> dan set soalan

## **18. Adakah maklumat perubatan saya akan dirahsiakan ?**

Segala maklumat anda yang diperolehi dalam penyelidikan ini akan disimpan dan dikendalikan secara sulit, bersesuaian dengan peraturan-peraturan dan/ atau undang- undang yang berkenaan. Sekiranya hasil penyelidikan ini diterbitkan atau dibentangkan kepada orang ramai, identiti anda tidak akan didedahkan tanpa kebenaran anda terlebih dahulu. Pihak- pihak tertentu seperti individu yang terlibat dalam penyelidikan dan rawatan perubatan anda, juruaudit dan jurupantau yang terlatih, pihak penaja atau pihak gabungannya, pihak berkuasa kerajaan atau undang-undang, boleh memeriksa dan membuat salinan laporan perubatan anda jika berkenaan dan diperlukan.

Segala data yang berkaitan dengan penyelidikan ini akan diarkib untuk tujuan analisis,tetapi identiti anda tidak akan didedahkan sama sekali pada bila-bila masa.

Dengan izin anda, doktor yang biasa merawat anda akan dimaklumkan mengenai penyertaan anda dalam penyelidikan ini.

**19. Siakah yang perlu saya hubungi sekiranya saya mempunyai sebarang pertanyaan**

Anda boleh menghubungi doktor penyelidikan ini (Dr Magaletchumi a/p Chelladorai) pada sambungan telefon (03-9171001) sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai penyelidikan ini atau jika anda mengesyaki anda mengalami kecederaan yang terhasil daripada penyelidikan ini dan anda mahukan maklumat tentang rawatannya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan dengan hak-hak anda sebagai pesakit dalam penyelidikan ini, sila hubungi:

JAWATANKUASA ETIKA & PENYELIDIKAN  
PERUBATAN(MEDICAL RESEARCH & ETHICS  
COMMITTEE) KEMENTERIAN KESIHATAN  
MALAYSIA

Kompleks Institut Kesihatan Negara (NIH),  
No.1, Jalan Setia Murni U13/52,  
Seksyen U13 Bandar Setia Alam,  
40170 Shah Alam, Selangor.  
No.Tel: 03-33628407/ 33628205/ 33628888

## **BORANG PERSETUJUAN/ KEIZINAN PESAKIT**

### **Tajuk Penyelidikan :**

EFFECTIVENESS OF THE PAUSE<sup>®</sup> FLIPCHART COMPARED TO CONVENTIONAL METHOD OF PREMARITAL HIV COUNSELLING: A RANDOMIZED CONTROL STUDY

(Kefahaman Terhadap Alat Carta balik PAUSE<sup>®</sup> Untuk Kaunseling HIV Pra-Pernikahan di Kalangan Penduduk Johor Bahru)

Dengan menandatangani di bawah, saya mengesahkan bahawa :

- Saya telah diberi maklumat tentang penyelidikan di atas secara lisan dan bertulis and saya telah membaca dan memahami segala maklumat yang diberikan dalam risalah ini.
- Saya telah diberikan masa yang secukupnya untuk mempertimbangkan penyertaan saya dalam penyelidikan ini dan telah diberi peluang untuk bertanya soalan dan semua persoalan saya telah dijawab dengan sempurna dan memuaskan.
- Saya juga faham bahawa penyertaan saya adalah secara sukarela dan pada bila-bila masa saya bebas menarik diri daripada penyelidikan ini tanpa harus memberi sebarang alasan dan ianya sama sekali tidak akan menjejaskan rawatan perubatan saya pada masa akan datang.
- Saya tidak mengambil bahagian dalam mana-mana penyelidikan lain pada masa ini. Saya juga memahami tentang risiko dan manfaat penyelidikan ini dan saya secara sukarela memberi persetujuan untuk menyertai penyelidikan ini di bawahsyarat-syarat yang telah dinyatakan di atas.
- Saya faham saya harus mematuhi nasihat dan arahan yang berkaitan dengan penyertaan saya dalam penyelidikan ini daripada doktor penyelidikan (penyelidik)
- Saya faham bahawa kakitangan penyelidikan, pemantau dan juruaudit terlatih , pihak penaja atau gabungannya, dan pihak berkuasa kerajaan atau undang-undang, mempunyai akses langsung dan boleh menyemak laporan perubatan saya bagi memastikan penyelidikan ini dijalankan dengan betul dan data direkodkan dengan betul. Segala maklumat dan data peribadi akan dianggap sebagai SULIT.
- Saya akan menerima satu salinan ‘Risalah Maklumat Pesakit dan Borang Persetujuan atau Keizinan Pesakit’ yang telah lengkap dengan tarikh dan tandatangan untuk dibawa pulang ke rumah.

- Saya bersetuju/ tidak bersetuju\* untuk doktor yang biasa merawat saya diberitahu tentang penyertaan saya dalam penyelidikan ini.

**Subjek :**

Tandatangan:

Nombor K/P:

Nama:

Tarikh :

Penyelidik yang mengendalikan proses menandatangani borang keizinan:

Tandatangan:

Nombor K/P:

Nama:

Tarikh :